

26 SEP 2003

Dell-Polis

BERJAYA TIMES SQUARE DILENGKAPI PONDOK POLIS BERNILAI RM300,000

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Pusat membeli-belah terbesar di negara ini, Berjaya Times Square yang akan dirasmikan Isnin ini, dilengkapi pondok polis bagi menjamin keselamatan pelancong dan pengunjungnya.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Dell Akhbar Khan berkata ia merupakan pondok polis pertama di ibu negara yang didirikan bersama dengan pusat membeli-belah.

"Ini merupakan pondok polis yang paling hampir dengan kompleks perniagaan, terletak betul-betul di depan pusat itu," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan pondok polis itu oleh Pengerusi Berjaya Group Tan Sri Vincent Tan di sini hari ini.

Berjaya Group turut menyumbang dua buah motosikal dan sebuah komputer berinternet untuk kegunaan anggota polis yang bertugas di pondok itu.

Dell berkata dua anggota polis pelancong akan ditugaskan 24 jam di situ.

Sementara itu, Vincent Tan berkata pondok polis itu yang dibina dengan kos RM300,000 bertujuan menyediakan tahap keselamatan tinggi di pusat berkenaan.

Selain itu katanya sebanyak 326 unit kamera keselamatan dipasang di keseluruhan pusat membeli-belah tersebut, yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.5 juta.

"Sebanyak 164 kamera dipasang di pusat membeli belah, tujuh kamera diletakkan di tempat hiburan, 137 kamera di tempat letak kereta dan 18 kamera lagi di hotel," katanya.

Berjaya Times Square setinggi 12 tingkat itu yang mempunyai 900 unit kedai, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin ini.

Bangunan itu turut menyediakan kemudahan ruang pejabat, pusat boling dan pawagam.

-- BERNAMA

KUR MRA HM LAT